



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKAITAN ANTARA ORIENTASI MATLAMAT DAN
KEAGRESIFAN PEMAIN BOLA SEPAK
BAWAH 18 TAHUN
MSSPK 2007**

ABDULLAH SANI BIN MAJIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKAITAN ANTARA ORIENTASI MATLAMAT DAN
KEAGRESIFAN PEMAIN BOLA SEPAK
BAWAH 18 TAHUN MSSPK 2007**

ABDULLAH SANI BIN MAJIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DESERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SAINS SUKAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

03 Disember 2007



ABDULLAH SANTIBIN MAJIN
M20052000300





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyempurnakan kertas projek ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Sukan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Hj. Shaharudin bin Abd. Aziz selaku penyelia yang banyak memberi sumbangan idea, tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan bagi menjayakan projek ini. Saya berasa sungguh bangga dan bertuah di bawah penyeliaan beliau yang sentiasa memberi pertolongan dan kerjasama meskipun dalam kesibukan tugas beliau.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Dr. Ahmad Bin Hashim, Dekan Fakulti Sains Sukan, Timbalan-timbalan Dekan; Dr. Julismah bte Jani dan Dr. Mohd Sani bin Madon dan semua pensyarah UPSI yang terlibat dalam menyumbang masa dan tenaga serta berkongsi ilmu pengetahuan sepanjang program Sarjana Sains Sukan dijalankan.

Saya juga mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Perak, jurulatih yang terlibat dan pemain yang memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Penghargaan paling istimewa buat isteri (Pn. Jumaidah bte Yussof) dan anak-anak (Syazwan, Syahir Aizat, Athirah, Muhamad Hafiz, Muhamad Asyraf) yang terlalu banyak berkorban dan mendoakan kejayaan serta memberikan sokongan bagi saya menyempurnakan tugas ini. Amat dikenang juga jasa kedua ibu bapa, Pn. Hijjah Aishah dan Allahyarham En. Majin kerana telah banyak berkorban masa dan tenaga sehingga saya berjaya ke tahap ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan Program Sarjana Sains Sukan UPSI yang banyak membantu bagi menyempurnakan kertas projek ini. Allah S.W.T. tetap akan membalas setiap jasa dan kebaikan yang telah diberikan.

Abdullah Sani Majin,
03 Disember 2007





Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Sains Sukan.

**PERKAITAN ANTARA ORIENTASI MATLAMAT DAN KEAGRESIFAN
PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH UMUR 18 TAHUN MAJLIS SUKAN
SEKOLAH-SEKOLAH PERAK(MSSPK) 2007**

ABDULLAN SANI BIN MAJIN

OKTOBER 2007

Penyelia : Prof. Dr. Hj. Shahrudin bin Abd. Aziz.

Fakulti : Fakulti Sains Sukan

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti corak orientasi matlamat dan faktor yang mempengaruhi perlakuan agresif dan perkaitan antara ke duanya di kalangan pemain bola sepak bawah umur 18 tahun yang bertanding di Pertandingan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK) 2007. Seramai 160 orang responden terlibat dalam kajian ini. Soal selidik *Task and Ego Orientations in Sports Questionnaire* (TEOSQ), Duda & Nichollas(1989) dan *The Judgment About Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire* (JAMBYSQ), Stephens & Bredemeier (1996) digunakan bagi mendapat maklumat dari pemain yang menyertai pertandingan tersebut. Ujian t menunjukkan secara keseluruhannya pemain bola sepak yang bermain di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun MSSPK lebih berorientasikan tugas berbanding ego. Faktor mempengaruhi keagresifan di kalangan pemain pula ialah pengaruh jurulatih (min = 3.23), ketua pasukan (min = 3.04), ibu bapa (min = 2.83), pemain terbaik dalam pasukan (min = 2.78), penyokong (min = 2.77), dan sahabat karib (min = 2.69). Manakala situasi yang paling mempengaruhi keagresifan pula ialah kedudukan permainan seri (min = 3.63), untuk menaikkan semangat berpasukan (min = 3.41) dan sikap pengadil yang tidak tegas (min = 3.11). Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi matlamat dan keagresifan di kalangan pemain yang dikaji





Abstract of project paper presented to the Faculty Sports Science, Sultan Idris Educational University in partial fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Sports Science.

CONNECTION BETWEEN ORIENTATION ACHIEVEMENT AND AGGRESSIVENESS AMONG UNDER 18 MSSPK FOOTBALL PLAYERS 2007.

By:

ABDULLAN SANI BIN MAJIN

OCTOBER 2007

Supervisor : Prof. Dr. Hj. Shaharudin bin Abd. Aziz.

Faculty : Sports Science.

The purpose of this study is to identify the connection between orientation achievement and aggressiveness among under 18 MSSPK Football Players 2007 (N=160). The questionair TEOSQ (Task and Ego Orientation in Sport Questionair) by Duda & Nicholls (1989) and JAMBYSQ (The Judgement About Moral Behavior In Youth Sport Questionair) by Stephens, Bredemeier & Shields (1993) is being used. Data had been analysed with the SPSS program version 11.0 with the use of descriptive method (percentage, frequency, mean and standard deviation) and inference method (t-test and Pearson Correlation). From the evaluation, the research had found that the players in the orientation are more involved in the task given to them. This was based on a t-test which concluded that almost all players for the under 18 MSSPK football were more task orientated rather than ego. The factors which influenced aggressiveness among the players were also initially given by the coach (mean 3.23), team leader (mean 3.04), parents (mean 2.83), the best player of the team (mean 2.78), supporters (mean 2.77) and colleagues (mean 2.69). Besides, the most influencing factor to cause aggressiveness was a draw result in the game (mean 3.63), to spur team spirit (mean 3.41) and reffery's unstrictness (mean 3.11). There wasn't any significant correlation between orientation achievement and aggressiveness among the players.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalanan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Kerangka Kajian	12
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Definisi Terminologi	14
1.9.1	Keagresifan	14
1.9.2	Orientasi Matlamat	14



1.9.3	Tahap	15
1.9.4	Pemain	15
1.9.5	Bola Sepak	16

BAB II SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Kajian-kajian Berkaitan Keagresifan	18
2.3	Definisi Keagresifan	24
2.4	Jenis-jenis Keagresifan	27
2.5	Teori Keagresifan	28
2.6	Kajian Berkaitan Orientasi Matlamat	35
2.7	Kesimpulan	41

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Sampel Kajian	44
3.4	Instrumen Kajian	45
3.5	Kajian Rintis	49
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	50
3.6.1	Prosedur Teknikal	50
3.6.2	Prosedur Lapangan	50

3.7 Kaedah Analisis Data 51

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	52
4.2	Bilangan Soal Selidik Diterima	53
4.3	Ciri-ciri Demografi	53
4.3.1	Umur Pada 01 Januari 2007	53
4.3.2	Keturunan/bangsa	54
4.3.3	Pengalaman Bermain Bola Sepak	54
4.4	Tahap Penyertaan Tertinggi	55
4.5	Jangkaan Responden Sebelum Pertandingan	56
4.6	Orientasi Matlamat Berasaskan Tugas	57
4.7	Orientasi Matlamat Berasaskan Ego	58
4.8	Orientasi Matlamat Pemain Dikaji	59
4.9	Perbezaan Corak Orientasi Matlamat	60
4.10	Merempuh Lawan Dari Belakang	61
4.11	Pesepsi Responden Terhadap Rakan Sepasukan	61
4.12	Tahap Keagresifan Pemain	63
4.13	Faktor Yang Mempengaruhi tindakan Agresif	63
4.14	Individu Mempengaruhi Tindakan Agresif	65
4.15	Individu Yang Paling Mempengaruhi Agresif	66



4.16	Situasi Yang Paling Mempengaruhi Agresif	67
4.17	Perkaitan antara Orientasi Matlamat dan Keagresifan	68

BAB V

PERBINCANGAN KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	69
5.2	Perbincangan	69
5.3	Kesimpulan	74
5.4	Cadangan	77

RUJUKAN



LAMPIRAN

Soal Selidik Kajian.

Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar .

Surat Kebenaran Penolong Pengarah Unit Sukan Jabatan Pendidikan Perak

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Rintis



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 3.1	Taburan Responden Berdasarkan Sekolah dan Daerah Yang Diwakili.	44
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Umur Pada 01 Januari 2007	53
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Keturunan / Bangsa	54
Jadual 4.3	Taburan Responden Pengalaman Bermain Bola Sepak	55
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Tahap Penyertaan Tertinggi Dalam Pertandingan Bola Sepak	56
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Jangkaan Responden Sebelum Pertandingan	57
Jadual 4.6	Min Orientasi Matlamat Berasaskan Tugas	58
Jadual 4.7	Min Orientasi Matlamat Berasaskan Ego	59
Jadual 4.8	Min Orientasi Matlamat Tugas dan Min Orientasi Ego	60
Jadual 4.9	Ujian t Perbezaan Corak Orientasi Matlamat	60
Jadual 4.10	Taburan Responden Terhadap Tindakan Merempuh Lawan Dari Belakang	61
Jadual 4.11	Pesepsi Responden Terhadap Rakan Sepasukan Yang Sanggup Merempuh Dari Belakang	62
Jadual 4.12	Taburan Dan Min Responden Yang Sanggup Merempuh dan Merampas Bola Dari Belakang Lawan	63

Jadual 4.13	Min Faktor Yang Mempengaruhi Tindakan Agresif	64
Jadual 4.14	Min Individu Mempengaruhi Tindakan Agresif	65
Jadual 4.15	Taburan Responden Individu Yang Paling Mempengaruhi Tindakan Agresif	66
Jadual 4.16	Taburan Responden Situasi Yang Pemain Pasti Merempuh dan Merampas Bola Dari Belakang	67
Jadual 4.17	Ujian Korelasi Antara Orientasi Matlamat dan Keagresifan	68



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sukan merupakan aktiviti fizikal yang merangkumi permainan individu dan permainan berpasukan. Penglibatan dalam sukan membolehkan individu melepaskan perasaan dan ketegangan emosi. Namun penglibatan dan hasrat mencapai sesuatu matlamat dalam sukan kadangkala boleh juga mengakibatkan individu hilang pertimbangan dan bertindak ganas. Perlakuan-perlakuan agresif ini menjadi salah satu skop dan persoalan yang menarik untuk dikaji dalam bidang psikologi sukan.

Populariti bola sepak telah meningkat berbanding sukan lain terutamanya pada abad ke-21. Kini, bola sepak menjadi satu industri yang lumayan melalui pendapatan hak siaran televisyen dan penjualan tiket di stadium-stadium. Permainan ini dimainkan pada peringkat profesional di seluruh dunia. Berjuta-juta peminat biasanya pergi ke stadium bola sepak untuk mengikut pasukan pilihan mereka, manakala berbilion-bilion pula



melihat perlawanan bola sepak di televisyen. Sebilangan besar pemain juga bermain bola sepak pada peringkat amatur di seluruh pelusuk dunia.

Keagresifan di dalam permainan bolasepak adalah perlakuan di luar peraturan permainan bolasepak yang akan membawa kepada berlakunya kekasaran dan kecederaan kepada individu yang terlibat. Alderman (1974), mendefinisikan keagresifan sebagai satu perlakuan yang dilakukan dengan sengaja, bermatlamat untuk mencederakan seseorang. Perlakuan ini termasuklah dari segi fizikal, psikologikal dan sosial.

Menguatkan lagi dapatan di atas, Baron dan Richardson (1994) menyatakan keagresifan merupakan sebarang tingkah laku yang terhasil dan ia berkait rapat dengan matlamat untuk mencederakan individu atau benda hidup yang lain. Kajian ini memfokuskan kepada keagresifan dalam kategori fizikal. Faktor utama yang menjadikan sukan sebagai bengkel tingkah laku agresif ialah kerana sukan dianggap sebagai saluran bagi individu mencapai katarsis.

Katarsis boleh didefinisikan sebagai keperluan individu untuk melepaskan ketegangan emosi melalui tindak balas agresif, (Gill, 1986). Menurut Gill lagi, kriteria perlakuan agresif yang pertama boleh berlaku sama ada dalam bentuk fizikal ataupun lisan. Tingkah laku yang bercorak lisan bertujuan untuk mencederakan atau menyakitkan seseorang juga dikatakan memiliki sifat keagresifan. Kriteria yang ke dua pula ialah keagresifan yang melibatkan sama ada kecederaan fizikal ataupun psikologi. Ini termasuklah memukul ataupun memalukan seseorang dengan bahasa yang kesat.



Kriteria keagresifan ke tiga pula boleh terjadi ke atas organisma hidup di luar dari situasi sukan. Perlakuan menumbuk seseorang atau pun memukul haiwan juga adalah perlakuan agresif. Namun tindakan pemain menyepak kerusi penonton selepas kalah dalam perlawanan bola sepak tidak dikira sebagai keagresifan kerana ia tidak mencederakan organisma hidup yang lain. Walaupun ia bukan keagresifan, perlakuan tersebut disifatkan sebagai sesuatu kelakuan yang kurang sopan dalam etika bersukan.

Kriteria ke empat ialah keagresifan yang dilakukan merupakan niat yang nyata atau pemain sengaja melakukannya. Pelaku mesti ada ekspektasi yang tindakannya akan berjaya serta sasaran akan mengalami kecederaan, kesakitan dan teraniaya. Ini bermaksud kecederaan luar dugaan atau tidak disengajakan bukanlah perlakuan agresif kerana ia tidak berniat jahat atau sengaja melakukannya.



Weinberg, Sticher dan Richardson (1994) mendapati kumpulan atlet yang mempunyai set penetapan matlamat lebih meningkat prestasi berbanding kumpulan yang tidak menggunakan set matlamat. Atlet yang mempunyai matlamat akan lebih fokus dan tahu kepentingan untuk mencapai matlamat. Mereka mempunyai halatuju yang nyata serta mempunyai garis panduan yang jelas bagaimana untuk mencapai matlamat mereka.

Degilidis dan Papaioannou(1999) menyatakan bahawa orientasi matlamat(tugasan dan ego) mempengaruhi pembelajaran sukan dan pencapaian atlet. Di samping itu orientasi matlamat meningkatkan motivasi atlet untuk mencapai kejayaan.





Untuk mencapai kejayaan, orientasi matlamat bukan sahaja perlu malah menjadi satu kemestian bukan sahaja kepada atlet malahan kepada jurulatih dan juga pegawai-pegawai yang terlibat. Menurut Duda dan Nicholls(1989), dua orientasi matlamat yang sentiasa menguasai diri atlet adalah seperti berikut:

i. Orientasi Matlamat Berasaskan Tugas

Atlet sentiasa berusaha sama ada hendak menguasai kemahiran ataupun meningkatkan pengetahuan. Fokus atau matlamat utama atlet ialah tugas yang perlu dilaksanakan. Atlet akan berasa puas dengan kejayaan melakukan tugas dan mendapati dirinya berkemahiran dan berkebolehan dengan tugas yang dilakukan. Orientasi berasaskan tugas melahirkan atlet yang tidak terikat kepada ahli pasukannya tetapi apa yang penting adalah bagaimana matlamat itu relatif kepada dirinya sendiri atau mementingkan pencapaian peribadi.



ii. Orientasi Matlamat Berasaskan Ego

Atlet akan lebih memberi penekanan untuk memperlihatkan kemampuannya di samping membandingkan prestasi dirinya dengan orang lain. Kejayaan akan dapat dicapai sekiranya atlet tersebut dapat belajar mempertingkatkan kemahiran dan akan menjadi lebih baik daripada orang lain. Berbeza dengan orientasi tugas, jika kemahiran atlet dapat ditingkatkan tetapi masih dalam kadar yang rendah dengan prestasi atlet yang lain, seseorang atlet itu dikatakan tidak menikmati erti kejayaan.





White dan Zellner(1996) mendapati atlet yang berada dalam kesempurnaan kemahiran akan memilih tugas yang lebih mencabar, melakukan aksi dengan penuh minat dan berupaya melakukan tugas yang lebih sukar. Akan tetapi atlet yang mempunyai orientasi ego yang tinggi ataupun orientasi ego yang rendah pula mempunyai tanggapan berbeza terhadap kemampuannya. Mereka akan cuba mengelak tugas yang diberi serta kekurangan daya usaha, mempunyai kebimbangan yang tinggi dan mempunyai konsentrasi yang rendah. Atlet kategori ini biasanya akan menamatkan sesuatu aktiviti atau latihan kemahiran dengan memperlihatkan air muka dengan penuh kegagalan

Dweck dan Leggett, (1988) dan Nicholls, (1989) menganggap orientasi matlamat juga merupakan satu kebolehan yang berkait dengan potensi diri di mana ia berkecenderungan menjadi faktor untuk melihat hubungan antara kemampuan seseorang atlet serta dapat meramal interpretasi kebimbangan sama ada positif ataupun negatif. Atlet yang cenderung kepada orientasi ego biasanya lebih bermotivasi jika adanya penghargaan dan ganjaran. Manakala atlet yang cenderung kepada orientasi tugas melihat penyertaan mereka dalam sukan adalah berfokus dan selalunya berkait rapat dengan pembelajaran serta kemahiran yang bersifat individu terutamanya yang berbentuk intrinsik.

Menurut Papaioannou dan Theodorakis (1994) atlet yang berorientasikan tugas akan berasa gembira jika kemahiran yang perlu dikuasai dan tugas yang diberikan kepadanya itu dapat disempurnakan dengan jayanya. Peningkatan prestasi mengikut





kadar yang tertentu akan menjamin kejayaan serta dapat mengelakkan risiko kecederaan. Malah ia akan membantu mereka berada di dalam tahap terbaik tepat pada masa yang mereka inginkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bilangan kejadian yang berpunca dari keagresifan di kalangan pemain bola sepak bukan lagi perkara baru sama ada di peringkat antarabangsa atau di Malaysia sendiri. Di Malaysia misalnya, fenomena pemain berkelakuan agresif terhadap pemain lawan kerap kali dapat disaksikan di lokasi-lokasi pertandingan atau pun di kaca televisyen. Istilah ‘bantai’, ‘belasah’, ‘makan’ dan seumpamanya sudah semakin sebat di kalangan pemain dan jurulatih malahan ibu bapa dan penonton turut memberikan galakan yang sama demi mengejar kemenangan.



Di dalam permainan bola sepak, keagresifan dan kekasaran berlaku dan meningkat dari semasa ke semasa. Menurut Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), sejumlah 28 kad merah dilayangkan pada Piala Dunia Jerman 2006 berbanding cuma 17 kad merah pada Piala Dunia Jepun/Korea 2002. Berbagai-bagai cara boleh dilakukan untuk menangani masalah ini. Antaranya adalah dengan cara menunjukkan “*role models*” yang tidak menggunakan keagresifan dalam permainan dan boleh menghasilkan kejayaan yang membanggakan. Selain itu elok juga diadakan bengkel dan seminar kesedaran kepada pemain-pemain, jurulatih, pengadil dan ibu bapa mengenai keagresifan dalam sukan.





Melalui bengkel ini penekanan terhadap semangat kesukanan dan amalan mengawal emosi semasa pertandingan perlu dititik beratkan.

Tingkah laku agresif boleh tercetus akibat beberapa situasi kesukanan seperti tekanan untuk mencapai kemenangan, kekecewaan kerana gagal mempamerkan prestasi sebenar, cemuhan kerana menunjukkan prestasi yang buruk dan beberapa lagi faktor yang lain. Keagresifan yang dilakukan oleh pemain-pemain bola sepak mempunyai tahap yang tertentu dan berbeza-beza. Ini disebabkan keagresifan seseorang itu bergantung kepada faktor-taktor yang mendorongnya melakukan perlakuan tersebut.

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti corak orientasi matlamat dan beberapa faktor yang mendorong dan berpotensi mempengaruhi pemain-pemain bola sepak bertindak agresif di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK) 2007.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti corak orientasi matlamat dan faktor yang mempengaruhi perlakuan agresif dan perkaitan antara ke duanya di kalangan pemain bola sepak yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK). Pada masa kini bola sepak merupakan ‘lubuk emas’ bagi pemain, jurulatih dan pegawai yang terlibat. Bola sepak dalam era profesional menjadi salah satu bidang yang dapat menjamin masa hadapan. Oleh





yang demikian individu yang terlibat akan cuba meningkatkan kemahiran dan merancang segala strategi untuk mencapai kemenangan dalam bidang ini. Berdasarkan orientasi matlamat atlet akan melakukan apa sahaja agar kemenangan menjadi milik mereka, walaupun terpaksa melakukan kekerasan atau keagresifan dalam permainan untuk mencapai hasrat mereka.

Pemain bola sepak yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK) 2007 adalah bakal mewakili negara pada masa akan datang. Lantaran itu adalah tidak wajar pemain mengamalkan permainan agresif hingga menjejaskan kualiti dan matlamat bersukan. Jika pemain bola sepak di peringkat MSSPK bermain dengan cara keagresifan keterlaluan, sudah pasti perlakuan tersebut tidak dapat diterima oleh pemain lawan dan penonton. Keagresifan ini akan menjadi isu hangat dan buah mulut masyarakat tentang kualiti pemain yang dilahirkan oleh program MSSPK serta mencemar nama baik warga pendidikan.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya keagresifan di samping mengenalpasti corak orientasi matlamat serta perkaitan antara ke duanya di kalangan pemain yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK).

Keagresifan dan permainan bola sepak adalah dua ungkapan sinonim yang terlalu sukar untuk dipisahkan. Pada Piala Dunia edisi 2006 di Jerman, kita menyaksikan Zinedene Zidane seorang pemain yang cukup berpengalaman





menghantukkan kepalanya ke dada Marco Materazzi dan beliau menerima kad merah. Statistik Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), menunjukkan sebanyak 28 kad merah dan 345 kad kuning dilayangkan semasa pertandingan tersebut. Dari sudut perbandingan pula Piala Dunia Jerman 2006 menyaksikan 28 kad merah adalah peningkatan hampir sekali ganda berbanding Piala Dunia Jepun/Korea 2002 yang cuma melayangkan 17 kad merah. Peningkatan ini adalah membimbangkan. Tambahan pula dengan tindakan pihak media mensensasikan perlakuan agresif dalam bola sepak seolah-olah memberi pengiktirafan terhadap perlakuan agresif dalam permainan tersebut.

Anshel (1997) menyatakan bahawa individu yang memiliki motivasi intrinsik melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti sukan adalah untuk keseronokan dan kawalan sendiri. Ini bermaksud keputusan mereka untuk melibatkan diri dalam sukan merupakan keinginan diri sendiri, iaitu berorientasikan tugas.

Menurut Duda (1989), orientasi tugas berkait rapat dengan usaha untuk meningkatkan kemahiran, sikap kerjasama, menjalani gaya hidup sihat dan ciri-ciri kewarganegaraan yang baik. Sebaliknya orientasi ego pula sering dikaitkan dengan fokus kepada pencapaian (keputusan pertandingan), usaha mendapatkan penghormatan diri serta status sosial yang tinggi di kalangan atlet. Selain itu, orientasi ego juga seringkali dikaitkan dengan matlamat untuk mengalahkan orang lain apabila melibatkan diri dalam sukan.





Berdasarkan bentuk keagresifan dan senario dalam matlamat permainan, keagresifan sering digunakan oleh pemain atas sebab-sebab yang tertentu. Kajian ini cuba mengkaji faktor-faktor perlakuan ini dilakukan dalam situasi-situasi tertentu serta siapakah pendorong yang mencetuskan pemain melakukan tindakan agresif ini.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, objektif kajian ini dijalankan untuk:

- 1.4.1 Mengenal pasti corak orientasi matlamat di kalangan pemain bola sepak di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak(MSSPK).
- 1.4.2 Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pemain-pemain yang dikaji untuk melakukan keagresifan.
- 1.4.3 Mengenal pasti faktor utama yang membawa kepada berlakunya keagresifan.

1.5 Persoalan Kajian

Melalui kajian ini beberapa persoalan berkaitan corak orientasi matlamat dan faktor yang mempengaruhi perlakuan agresif dan perkaitan antara ke duanya di kalangan pemain bola sepak bertanding di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK) dapat dijelaskan. Soalan-soalan yang dikemukakan dan dibincangkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:





- 1.5.1 Apakah corak orientasi matlamat pemain-pemain bola sepak di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK) 2007 ?
- 1.5.2 Apakah tahap keagresifan pemain-pemain yang dikaji ?
- 1.5.3 Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi matlamat dan perlakuan agresif ?
- 1.5.4 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keagresifan di kalangan pemain ?

1.6 Kepentingan Kajian

Keagresifan dalam permainan bola sepak telah meningkat dari semasa ke semasa samada di peringkat sekolah mahu pun di peringkat antarabangsa. Peningkatan ini jika tidak dibendung sudah tentu akan menyebabkan mutu permainan bola sepak di negara ini tidak akan meningkat. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti dan mengetahui faktor-faktor utama yang mendorong kepada berlakunya keagresifan di kalangan pemain mewakili daerah di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK). Di antara kepentingan kajian ini adalah:

- 1.6.1. Dapat menimbulkan kesedaran kepada pemain-pemain, jurulatih-jurulatih dan masyarakat dalam usaha membendung keagresifan dalam sukan bola sepak.



- 1.6.2 Sebagai panduan untuk membentuk tingkah laku dan mempertingkatkan lagi semangat kesukanan yang tinggi di kalangan pemain, jurulatih dan penonton bola sepak.
- 1.6.3 Membantu jurulatih memahami faktor yang mempengaruhi pemain bertindak agresif.
- 1.6.4 Perkembangan sukan bola sepak negara dapat diselaraskan dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pemain.

1.7 Kerangka Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keagresifan dan corak orientasi matlamat di kalangan pemain-pemain yang mewakili daerah di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak (MSSPK). Tumpuan kajian juga akan cuba melihat situasi dan individu yang mempengaruhi pemain yang dikaji bertindak agresif. Corak orientasi matlamat pemain juga turut diberi perhatian. Kajian ditumpukan kepada pasukan-pasukan yang mewakili sepuluh daerah di negeri Perak dalam kejohanan tersebut.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan melalui soal selidik. Soal selidik '*Task and Ego Orientations in Sports Questionnaire*' (TEOSQ), Duda & Nichollas (1989) dan '*The Judgment About Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire*' (JAMBYSQ), Stephens & Bredemeier

(1996) digunakan bagi mendapatkan maklumat dari pemain yang menyertai kejohanan tersebut .

Kajian ini akan dijalankan selepas tamatnya sesuatu pertandingan di Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak(MSSPK). Sepuluh daerah terlibat iaitu Daerah Kinta, Kinta Selatan, Kuala Kangsar, Manjung, Perak Tengah, Hilir Perak, Hulu Perak, Kerian, Batang Padang dan Larut Matang Selama. Mereka terdiri daripada 160 orang pemain termasuk pemain simpanan. Soal selidik akan diberikan kepada pemain-pemain yang mewakili daerah masing-masing oleh pengkaji. Data yang diperolehi akan dianalisis bagi menentukan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keagresifan dan corak orientasi matlamat di kalangan pemain tersebut.

Memandangkan kajian ini menilai persepsi di kalangan responden, kejujuran dan keikhlasan pemain menjawab soal selidik yang diberi mungkin mempengaruhi ketepatan data yang diambil. Sifat ini adalah diluar kawalan penyelidik. Data yang diperolehi hanya berasaskan tindakbalas responden terhadap soal selidik yang diedarkan. Segala dapatan juga adalah bergantung kepada sikap dan emosi pemain pada masa tersebut.

Keputusan yang bakal diperolehi dalam kajian ini mungkin dipengaruhi oleh faktor umur, bangsa, pengalaman dan mungkin dipengaruhi oleh rakan sepasukan dan persekitaran semasa. Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi kerana ia tidak menggambarkan penglibatan keseluruhan

pemain bola sepak bawah 18 tahun di Malaysia. Oleh yang demikian kajian ini terbatas kepada sampel yang terlibat dalam kejohanan ini sahaja.

1.9 Definisi Terminologi

Terdapat beberapa istilah utama yang menentukan arah tuju dan dapatan kajian ini.

Berikut definisi istilah tersebut :

1.9.1 Keagresifan

Agresif menurut Kamus Dewan (1997 hal 33) bermaksud cenderung, bersengketa, menyerang dan suka berkelahi. Dalam konteks keagresifan melalui sukan bola sepak, ia merujuk kepada situasi terkawal dan tidak terkawal seseorang. Contohnya bermain secara merbahaya dan memberi isyarat lisan atau perbuatan yang boleh menimbulkan kemarahan kepada pihak lawan.

Baron dan Richardson (1994) berpendapat keagresifan adalah sebagai tingkah laku yang terhasil daripada perasaan marah dan ia berkait rapat dengan matlamat untuk mencederakan individu atau benda hidup yang lain.

1.9.2 Orientasi Matlamat(Tugasan dan Ego)

Orientasi Tugasan

Ciri-ciri kepunyaan individu yang berfokuskan kepada pembentukan kemahiran baru, memberi penekanan kepada ikhtiar dan berusaha dengan sebaik mungkin melakukan

tugasan yang diberi dengan penuh kesempurnaan berdasarkan kemampuan yang dimiliki oleh seseorang (Duds, 1992; Jagacinski, 1992; Nicholls, 1989; Roberts, 1992).

Orientasi Ego

Sikap seseorang yang memikirkan kepentingan atau hal-hal yang mengenai dirinya sahaja. Ciri-ciri kepunyaan individu di mana individu itu akan mencuba untuk memperlihatkan kemampuan terbaiknya dengan prestasi ahli yang lain. (Duds, 1992; Jagacinski, 1992; Nicholls, 1989; Roberts, 1992).

1.9.3 Tahap

Merupakan peringkat atau tingkat yang tertinggi. Dalam bahagian ini pengkaji cuba menilai tahap individu dari segi agresif dan orientasi matlamat mereka (Kamus Dewan 1997 hal 1263).

1.9.4 Pemain

Pelajar-pelajar yang mewakili daerah dalam Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar dari sebuah sekolah yang menjuarai pertandingan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD) masing-masing.

1.9.5 Bola Sepak

Bola sepak adalah sejenis permainan yang dimainkan di antara dua pasukan yang mengandungi 11 orang pemain yang masing-masing cuba memenangi perlawanan dengan menjaringkan lebih gol daripada pasukan lawannya. Satu gol adalah hasil hantaran bola yang merentasi garisan gol yang terletak di antara tiang gol dan palang gol. Bola sepak dimainkan dengan menggunakan kedua-dua belah kaki, tetapi para pemain dibenarkan menggunakan semua bahagian badannya kecuali tangan. Penjaga gol yang bertugas mengelakkan bola daripada merentasi garisan gol pula dibenarkan menggunakan tangannya untuk menangkap bola di dalam kawasan penalti.

Pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol memenangi sesuatu perlawanan. Namun, kalau kedua-dua menjaringkan jumlah gol yang sama, perlawanan itu dianggap seri (*draw*). Dalam pertandingan kalah mati, bagi menentukan pemenang, masa 30 minit (masa tambahan, *extra time*) akan ditambah jika kedua-dua pasukan menjaringkan jumlah gol yang sama dalam 90 minit yang asal. Pasukan yang menjaringkan gol yang lebih pada masa tambahan ini memenangi perlawanan.

Kalau masa tambahan tidak dapat menentukan pemenang, sepakan penalti akan diadakan. Setiap pasukan diberikan 5 sepakan penalti. Pasukan yang menjaringkan penalti yang lebih memenangi perlawanan. Keluasan padang pula ialah 80 - 100 meter panjang dan 40 – 60 meter lebar. Padang dibahagikan kepada 3 kawasan. Pertandingan dikendalikan oleh seorang refri dan dibantu oleh dua orang penjaga garisan.